

18 MAY 1998

Yong-Penghormatan

DEWAN PERHIMPUNAN CINA SABAH BERI PENGHORMATAN KEPADA YONG

KOTA KINABALU, 18 Mei (Bernama) -- Dewan Perhimpunan Cina Sabah hari ini memberi penghormatan kepada Datuk Yong Teck Lee kerana "pencapaian paling cemerlang" sepanjang tempoh penggal dua tahun beliau menjadi Ketua Menteri Sabah.

Pengerusinya, Datuk Mohd Sari Tan berkata, Yong, antara lain telah berjaya menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin yang banyak di Sabah dan menyatukan orang ramai agar bekerjasama rapat dalam aktiviti perniagaan dan ekonomi.

"Datuk Yong juga mempunyai keberanian untuk mengambil pelbagai langkah jangka panjang untuk melindungi sumber semula jadi di negeri ini dengan melaksanakan amalan pengurusan hutan secara berkekalan," katanya pada upacara mengangkat sumpah jawatan bagi 1998 yang turut disaksikan oleh Yong di sini.

Mohd Sari berkata, antara pencapaian lain Yong ialah membantu orang ramai membuang tabiat buruk seperti berjudi dan menjalankan usaha khas untuk meningkatkan pengeluaran makanan di Sabah.

Penggal Yong selaku Ketua Menteri yang mewakili masyarakat Cina di Sabah menurut sistem penggiliran akan tamat pada 28 Mei.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Yong berkata adalah silap bagi sesiapa untuk menganggap bahawa pada 28 Mei apabila tempoh penggal dua tahun beliau sebagai Ketua Menteri tamat, ia bermakna "selamat tinggal".

"Tidak, masih banyak yang belum dilaksanakan. Saya akan terus berkhidmat kepada negeri dan negara. Apa pun jawatan yang akan saya pegang, saya akan terus berjuang dan menghadapi cabaran," katanya.

Masa akan datang adalah lembaran baru, peluang baru dan cabaran baru, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setakat ini belum mengumumkan nama Ketua Menteri baru yang akan dilantik daripada kalangan pemimpin Bumiputera bukan Islam bagi melengkapkan pusingan giliran itu -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam.

-- BERNAMA

JS RHM NMO